

# 'Najib minta tak campur tangan'

Bekas Menteri Kewangan II pernah suara kebimbangan pelaburan 1MDB



Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, memberitahu mahkamah beliau diminta oleh Datuk Seri Najib Razak supaya tidak campur tangan mengenai perancangan pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam syarikat perkhidmatan dan pengeluaran minyak PetroSaudi International Ltd.

Ahmad Husni, 67, yang memberikan keterangan sebagai saksi ke-56 pendakwaan semalam, berkata bekas Perdana Menteri itu meminta beliau tidak terbabit dalam hal itu ketika menyuarakan kebimbangan mengenai pelaburan berkenaan.

"Najib berkata kepada saya 'Kamu jangan bimbang Husni, dari hari ini dan seterusnya jangan

terbabit dan saya tidak mahu kamu campur tangan," katanya.

Ahmad Husni berkata, selepas beliau mendapat tahu mengenai rancangan pelaburan itu pada 2009, beliau berjumpa Najib untuk menyuarakan kebimbangan berdasarkan beberapa alasan.

"Saya beritahu Najib, kita tidak boleh melabur kerana syarikat itu (PetroSaudi) masih baharu dalam proses cari gali dan kalau tidak jumpa minyak, seluruh pelaburan akan habis.


"Saya kata, orang 1MDB tiada pengalaman dalam bidang minyak dan gas, jadi saya beritahu mengapa tidak ambil PETRONAS saja," katanya.

Ahmad Husni turut memberitahu mahkamah mengenai kebimbangannya dengan keadaan negara dan Najib berikutan penubuhan 1MDB, sehingga membuat beliau menghantar surat peribadi kepada Ahli Parlimen Pekan itu pada Ogos 2010.

Melalui surat dengan pembuka kata '1MDB mengundang kontroversi', Ahmad Husni berkata beliau menzahirkan kerisauan mengenai prosedur, peraturan dan pengurusan lebih-lebih lagi 1MDB syarikat baharu yang tiada pengalaman.

Ahmad Husni yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Izzat Fauzan pada sesi pemeriksaan utama, berkata beliau turut membangkitkan mengenai risiko operasi iaitu dokumen yang tidak diberikan ketika diaudit.

"Saya tanya kenapa kita memberikan pinjaman daripada badan kerajaan, Najib beritahu, ia untuk memperkasakan bidang tenaga... Saya kata biarlah arang batu di-



*Ahmad Husni (kanan) hadir pada perbicaraan salah guna kuasa membabitkan dana SRC International di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.*

(Foto Hafiz sohaimi/BH)

bekalkan oleh syarikat swasta.

"Ketika itu, saya sedar ada elemen autokratik (kuasa mutlak) dan kita hanya menerima arahan," katanya.

Sementara itu, Ahmad Husni menyifatkan peranan beliau dalam kelulusan surat jaminan kerajaan bagi pinjaman kedua sebanyak RM2 bilion oleh SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), hanya semata-mata sebagai 'budak pejabat'.

Katanya, ia kerana semua keputusan mengenai surat jaminan itu sudah diputuskan terlebih dulu.

"Saya percaya keputusan itu dibuat Datuk Seri Najib Razak. Saya sedar, saya tiada apa-apa dalam

keputusan ini.

"Kamu tengok Memorandum Jemaah Menteri dibentangkan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, yang turut mengetuai Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan SRC.

"Surat jaminan kerajaan bagi pinjaman RM2 bilion pertama, Nor Mohamed yang tandatangan, (dan) kenapa yang kedua bukan dia yang tandatangan juga? Maknanya, saya ini macam budak pejabat saja, bukan ada bincang apa pun tetapi saya tandatangan saja," katanya.

Ahmad Husni berkata, beliau juga tidak dimaklumkan mengenai penubuhan 1MDB dan itu menyebabkannya bertemu Najib untuk menyuarakan pendapatnya.

"Saya ini jujur dan ikhlas, (Allahyarham Tun Razak (Hussein) adalah bapa angkat saya dan saya kenal Najib sejak 1983. Bila saya tahu 1MDB hendak ditubuhkan, saya beritahu Najib, kita tidak boleh lakukan tanpa kajian dari segi risiko industri dan sebagainya.

"Saya beritahu, kita kena buat unjuran kewangan bagi tempoh 10 dan 20 tahun akan datang bagi memastikan ia berdaya maju.

"Najib bagaimanapun beritahu saya, 'Saya tahu apa yang saya lakukan,'. Mulai dari itu, saya tahu pembabitan saya tidak diperlukan," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung hari ini.